

# KL tumpu Pulau Batu Putih pula

BH 19 DEC 2002

Oleh Khirul Bahri  
Basaruddin dan Wan  
Esuriyanti Wan Ahmad

PUTRAJAYA, Rabu - Selepas berjaya mendapat pengesahan mengenai hak milik terhadap Pulau Sipadan dan Pulau Ligitan semalam, Malaysia kini akan menumpukan perhatian untuk mendapatkan haknya bagi Pulau Batu Putih yang dipertikaikan oleh Singapura sejak 1996.

"Berikutnya ialah Pulau Batu Putih. PERSEDIANNYA perlu dibuat dengan rapi dan segala hujah yang

berhubung kait dengannya untuk menegakkan tuntutan kita bahawa pulau itu hak kita, perlu dilakukan sebaik mungkin," kata Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi.

Seri Dr Mahathir Mohamad dan sebahagian besar anggota Kabinet.

Abdullah berkata, Kabinet menghargai dan berpuas hati dengan kejayaan yang diperoleh Malaysia

kepada Wisma Putra dan kumpulan yang terbabit dalam membuat persediaan kes berkenaan dan kita boleh anggap bahawa satu daripada masalah dua hala yang wujud dengan Indonesia selesai," katanya.

Mengenai Pulau Batu Putih, beliau berkata, kerajaan perlu membuat persediaan rapi sebelum boleh mengemukakan tuntutan.

Abdullah berkata, segala hujah yang berhubung kait dengannya perlu dilakukan sebaik mungkin.

● Ahli politik Indonesia bantah keputusan

● Johor yakin menang tuntutan Pulau Batu Putih

Muka 6

Beliau berkata demikian kepada pemberita pada jamuan hari raya Kementerian Dalam Negeri di sini hari ini. Jamuan itu turut dihadiri Perdana Menteri, Datuk

dalam kes Pulau Sipadan dan Pulau Ligitan di Mahkamah Keadilan Antarabangsa (ICJ) di The Hague, Belanda.

"Kita mengucapkan terima kasih

LIHAT MUKA 2

## Malaysia, Singapura mungkin rujuk isu ke ICJ

### DARI MUKA 1

Pemilikan Pulau Batu Putih menjadi pertikaian oleh Malaysia dan Singapura sejak 1996 dan hingga kini tidak dapat diselesaikan melalui saluran diplomatik.

Walaupun Singapura belum menyuarkan hasratnya untuk membawa kes itu ke ICJ, kebuntuan penyelesaian mungkin memaksa kes itu dikemukakan menerusi proses undang-undang.

Di THE HAGUE, Menteri Luar, Datuk Seri Syed Hamid Albar berkata Malaysia dan Singapura akan menandatangani perjanjian khas merujuk hak kedaulatan Pulau Batu Putih yang terletak di pantai Johor kepada ICJ secepat mungkin.

Katanya, kedua-dua kerajaan kini menunggu tarikh yang sesuai untuk menandatangani perjanjian khas bagi membolehkan pertikaian hak kedaulatan itu diselesaikan oleh pihak ketiga selepas rundingan diplomatik gagal.

"Kita sebenarnya ingir: menandatangani perjanjian khas itu ketika rundingan isu air baru-baru ini tetapi kerajaan Singapura mahu menyelesaikan dua pertikaian itu secara berasingan," katanya semalam.

ICJ semalam dalam keputusan majoriti 16-1 memutuskan Malay-

sia mempunyai hak kedaulatan terhadap Pulau Sipadan dan Pulau Ligitan selepas menolak tuntutan Indonesia.

Syed Hamid berkata, semua dokumen berhubung perjanjian khas itu sudah siap dan cuma menunggu tarikh untuk ditandatangani.

Katanya, Malaysia mempunyai dasar untuk menyelesaikan semua pertikaian sempadan dengan jirannya secara rundingan diplomatik dan apabila gagal diselesaikan barulah menggunakan proses undang-undang seperti merujuk kepada ICJ.

Beliau berkata, Malaysia akan berusaha menyelesaikan semua pertikaian tanpa menjejaskan keharmonian dan kedamaian dengan negara jiran.

Syed Hamid berkata, walaupun Malaysia dan Singapura mempunyai mekanisme Majlis Tertinggi Asean untuk menyelesaikan pertikaian itu tetapi ia tidak dapat dilaksanakan.

"Mengikut amalan sejagat semua pertikaian membabit sempadan negara dirujuk kepada ICJ kerana keputusan mahkamah sebelum ini diterima oleh negara anggota Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB).

"Saya tidak dapat melihat Majlis Tertinggi Asean sebagai satu mekanisme untuk menyelesaikan per-

tikaian seumpama ini kerana ia lebih mudah diselesaikan oleh ICJ. Majlis ini lebih kepada penyelesaian politik dan bukan satu proses undang-undang," katanya.

Berhubung isu tambahan laut oleh Singapura, Syed Hamid berkata, Malaysia beberapa kali membuat bantahan kepada negara itu.

Katanya, bantahan dibuat kerana Malaysia tidak mahu Singapura menunjukkan kuasa mutlaknya walaupun tambahan itu dibuat di wilayah negara itu.

"Kita beberapa kali membuat bantahan dan kerajaan negara itu meminta kita membuat kajian saintifik berhubung kesan tambahan itu kepada Malaysia. Kita sudah buat kajian dan akan serahkan kepada negara itu," katanya.

Mengenai isu hak kedaulatan Kepulauan Spratly yang membabitkan Malaysia, Taiwan, China, Vietnam, Brunei dan Filipina, katanya, semua negara belum lagi berunding memutuskan isu itu melalui proses undang-undang.

Katanya, semua negara terbabit akan mengekalkan status quo di pulau itu dan bersetuju tidak akan mengambil tindakan ketenteraan.

Beliau berkata, negara terbabit menandatangani perjanjian berhubung kelakuan pihak yang terbabit dengan pertikaian Kepulauan Spratly di Phnom Penh baru-baru.